

PENGAMAL LGBT -LIWAT- DIKALANGAN PEMUKA AHLI SUNNAH WAL-JAMA'AH

(i) Tuduhan JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) bahawa Syiah mengharuskan meliwat lelaki adalah fitnah semata-mata.

(ii) Para imam Syiah (Imam 12) mengharamkan liwat (LGBT) seperti dalam al-Qur'an dan Hadis kerana peliwat dikenakan hukum had; iaitu bunuh umpamanya. Sementara Imam Abu Hanifah pula berkata bahawa peliwat tidak dikenakan hukum had.

(iii) Ia dikenakan hukum takzir sahaja (*Hasyiah Radd al-Mukhtar* oleh Ibn Abidin al-Hanafi, iv, 27).

(iv) Sebahagian ulama Syafi'i berpendapat bahawa hukum peliwat hanya takzir sahaja. (*Tabaqat al-Syafi'iyyah al-Kubra*, iv, 45).

(v) Sebahagian ulama Hanbali berpendapat bahawa hukum peliwat adalah takzir sahaja (*Bada'ii' al-Fawai'd*, iv, 908). Sementara hukum peliwat di Malaysia adalah 20 tahun penjara dan sebat menurut Perkara 377A undang-undang Jenayah Malaysia.

(vi) Sahabat Nabi SAW bernama Hakam bin al-'Aas adalah seorang peliwat (Ibn Hajar al-Makki, *Sawa'iq al-Muhriqah*, ii, 12).

(vii) Enam Khalifah Bani Umayyah adalah daripada keturunannya Hakam (*Tarikh al-Khulafa'*, 11, *Syarah Fiqh al-Akbar*, 50)

(viii) Yahya bin Aktham adalah Ketua Hakim Negara Islam semasa pemerintahan Khalifah al-Makmun dan dia adalah seorang peliwat; pengamal LGBT.

(ix) Yahyā bin Aktham merupakan salah seorang imām Ahli Sunnah Wal Jamaah, seorang ulama dan seorang tokoh besar Fekah dan Hadis. (*Al-bidāyah Wa l-Nihāyah*, 14, 350).

(x) Sunni telah mencatat banyak perkara tentang beliau, namun tulisan ini akan memberi tumpuan kepada kata-kata ulama Ahli Sunnah Wal -Jamaah terhadap personalitinya:

(xi) Tha'alibī: Yahya bin Aktham dan Bani Al-'Abbās peliwat terulung bangasa Arab

Salah seorang ulama terkenal Ahli Sunnah Wal-Jama'ah bernama Tha'alibī, meninggal dunia pada tahun 420 Hijrah telah menulis perihal Yahyā bin Aktham sebagai individu yang paling terkenal dengan amalan liwat seperti berikut:

لواط يحيى ابن أكثم

أصله من مرو؛ واتصل بالمأمون أيام مقامه بها، فاختص به، واستولى على قلبه، وصحبه إلى بغداد، وأحله محل الأقارب أو أقرب.

وكان متقدماً في الفقه، وأدب القضاء، حسن العشرة، عذب اللسان، وافر الحظ من الجد والهزل.

ولاه المأمون قضاء القضاة، وأمر بألا يحجب عنه ليلاً ولا نهاراً؛ وأفضى إليه بأسراره، وشاوره في مهماته

وكان يحيى ألوط من ثفر، ومن قوم لوط؛ وكان إذا رأى غلاماً يستشرطه، وقعت عليه الرعدة، وسال لعبه، وبرق بصره

وكان لا يستخدم في داره إلا المرد الملاح، ويقول قد أكرم الله تعالى أهل جنته بأن أطاف عليهم الغلمان في حال رضاه عنهم، لفضلهم
!على الجواري؛ فما بالي لا أطلب هذه الزلفى والكرامة في دار الدنيا معهم

ويقال: إنه هو الذي زين للمأمون اللواط، وحبب إليه الولدان، وغرس في قلبه فضائلهم ومحاسنهم وخصائصهم؛ وقال: إنهم بالليل
عرائس، وبالنهار فوارس؛ وهم للفراش والهراش، وللسفر والحضر؛ فصدر المأمون عن رأيه، وجرى في طريقه؛ واقتدى به المعتمد،
حتى استهتر بهم، وملك ثمانية آلاف منهم

وما كان بنو العباس يحومون حولهم

ثمار القلوب في المضاف والمنسوب ج 1 156 ش 221

Liwat (sodomi) Yahyā ibn Aktham:

Dia berasal dari Marwa, mempunyai hubungan dengan Khalifah al-Makmun ketika dia mempunyai kedudukan, berjaya menguasai hatinya, dan menemaninya ke Baghdad, merupakan individu istimewa yang paling dekat dengan al-Makmun. Beliau masyhur dalam bidang Fekah dan Adab al-Qadā'. Dia mempunyai interaksi dan penerangan yang baik, pakar dalam berjenaka dan berbicara serius. al-Makmun mengangkatnya sebagai Qadhi al-Qudhāt. Beliau memerintahkan supaya Yahyā tidak dihalang untuk bertemu dengannya samada malam atau siang. al-Makmun, mendedahkan rahsia kepadanya dan bermesyuarat dengannya tentang apa sahaja. Yahyā adalah peliwat lebih besar dari thafar dan kaum Nabi Lut. Sekiranya melihat anak lelaki yang membuatnya kekaguman, dirinya bergelora, air liurnya mengalir dan matanya berkelip. Dia tidak mengambil pekerja di rumahnya melainkan lelaki muda (belum tumbuh janggut) yang menyenangkannya. Katanya: Allah SWT memuliakan ahli syurga kerana mengelilingkan mereka dengan anak lelaki sedangkan Dia meredai mereka, kerana mereka merupakan hamba-hamba yang terbaik. Kenapa tidak aku terlintas untuk meminta kenikmatan dan kemuliaan ini di dunia bersama mereka!

Dikatakan bahawa: Dialah yang mendorong Khalifah al-Makmun untuk melakukan liwat, dan menyebabkannya suka pada lelaki muda, menyemai dalam hatinya tentang keelokan, kelebihan dan ciri-ciri istimewa mereka. Dia berkata: Kerja mereka di malam hari adalah pengantin perempuan (diliwat) dan disiang hari adalah penunggang kuda, mereka adalah hamparan, bekerja samada di rumah atau diperjalanan. Kerana itu al-Makmun menerima pandangannya dan menuruti jalannya. Muktasim mengikuti jejaknya sehingga terjebak dengan anak muda lelaki comel yang berjumlah lapan ribu. Bani Abbas pun tidak memperdulikan mereka. (*Thimār al-qulūb Fī al-Muḍāf wa Al-Mansūb.*, i, 156.)

(xii) Khalifah al-Makmun dan perbuatan liwat Yahya

ويحكى أن المأمون نظر يوماً إلى يحيى في مجلسه وهو يحد النظر إلى ابن أخيه الواثق وهو إذ ذاك أمرد تأكله العين فتبسم إليه وقال يا
أبا محمد حوالينا ولا علينا فقال يا أمير المؤمنين إن الكلب لا يأكل النار

ثمار القلوب في المضاف والمنسوب ج 1 156 ش 221

Diceritakan bahawa pada suatu hari dalam satu majlis, al-Makmun melihat pada Yahya sedangkan Yahya memerhatikan anak saudaranya bernama al-Wāthiq yang masih muda, tidak berjanggut dan mata memersonakannya. Maka dia tersenyum padanya dan berkata: Wahai Aba Muhammad, janganlah cuba berurusan dengan kami dan pergilah kepada yang lain. Jawabnya: Wahai Amirul Mukminin, sesungguhnya anjing tidak makan api". (Thimār al-qulūb Fī al-Muḍāf wa Al-Mansūb, I, 156).

(xiii) Pengakuan Yahya tentang amalan liwatnya

Ketika berada bersama Al-Makmun, Yahya memuji amalan kejinya untuk al-Makmun dan menukulkan perbuatan terkutuk itu. Silakan rujuk sendiri dalam kitab Thimār al-Qulūb, pada halaman yang sama kerana matannya tidak dapat disebutkan di sini. Sindiran YahyakepadacucuAbuHanifah:

وسمعه إسماعيل بن حماد بن أبي حنيفة يوما يغض من جده فقال له ما هذا جزاءه منك قال حين فعل ماذا حين أباح المسكر ودرأ الحد عن اللوطي

ثمار القلوب في المضاف والمنسوب ج1 156 ش 221

Pada suatu hari, cucu Abu Hanifah mendengar bahawa Yahya berkata keburukan datuknya, kemudian cucu Abu Hanifah berkata: Apakah ini balasan engkau (kepada datukku)? Jawabnya: Malah dia menghalalkan mabuk dan mencegah hukuman hudud terhadap perbuatan liwat. (Thimār al-qulūb Fī al-Muḍāf wa Al-Mansūb, I, 156). Sindiran dan kenyataan para penyair tentang Yahya bin Aktham: Kemasyhuran perbuatan liwat Yahya, mendorong para penyair menuduhnya dengan amalan itu secara terang-terangan dalam bentuk rangkai kata syair. Abu Sakhrakh al-Riyashi mendendangkan Syair ini manakala Ahmad bin Abu Na'im membacanya di hadapan al-Makmun.

حاكنا يرتشي وقاضينا يلوط والرأس شرّ ما رأس

تاريخ بغداد ج14/ص196

Hakim mengambil harta kami tanpa hak dan kadi kami meliwat, oleh itu kepala kejahatan ialah ketuanya. (*Tārīkh Baghdād*, xiv, 196).

(xiv) Kata-kata yang tepat dikaitkan kepada Yahya seperti berikut:

قاضي يرى الحد في الزنا ولا يرى على من يلوط بأس

تاريخ بغداد ج14 ص196 - تاريخ مدينة دمشق ج64 ص81 و 82- المنتظم ج11 ص319 - شذرات الذهب ج2 ص41 - محاضرات الأدباء ج1 ص249

Kadi melihat hukum had pada zina, dan tidak apa-apa pada orang yang meliwat. (*Tārīkh Baghdād*, xiv, 196, *Tārīkh Madīnah Dimashq*, 64, 81-82, Al-Muntaẓam, 11, 319, *Shadzarāt al-Dzahāb*, ii, 41, *Muḥādhārāt Al-Udabā*, 249). Begitu juga dalam rujukan berikut: *Muḥādhārāt Al-Udabā*, i, 249; *Thimār al-qulūb Fī al-Muḍāf wa Al-Mansūb*, 1, 156).

(xv) Ucapan Yahya apabila melihat pemuda yang memersonakannya

Dhahabī dan beberapa tokoh Sunni yang lain menukulkan perbuatan Yahya bin Aktham dengan menyatakan:

مضيت أنا وداود الاصبهاني إلى يحيى بن أكثم ، ومعنا عشرة مسائل ، فأجاب في خمسة منها أحسن جواب .ودخل غلام مليح ، فلما رآه اضطرب ، فلم يقدر يجيء ولا يذهب في مسألة .فقال داود :قم ، اختلط الرجل

سير أعلام النبلاء ج12 ص10- تهذيب التهذيب ج11 ص160 - تهذيب الكمال ج31 ص211 - تاريخ مدينة دمشق ج64 ص83

Aku dan Da'ūd Iṣfahānī pergi kepada Yahya bin Aktham, pada kami ada sepuluh persoalan. Dia menjawab dengan baik lima pertanyaan. Ketika itu seorang anak lelaki yang mempersonakannya masuk dan Yahya rasa bergelora apabila melihatnya. Yahya tidak lagi mampu menjawab pertanyaan. Da'ūd pun berkata: Bangunlah, dia sudah bingung (Siyar A'lam Al-Nubala', xii, 10; Tahdzīb Al-Tahdzīb, ii, 160; Tahdzīb al-Kamāl, xxxi, 211; Tārīkh MadīnahDimashq,64,83)

(xvi) Abdullah Bin Mubarak:

لما استولى الناصر على طبرستان فوض إلى عبد الله بن المبارك القضاء وكان يرعى بالابنة فقال يا أمير المؤمنين أنا أحتاج إلى رجال أجداد يعينونني فقال قد بلغني ذلك

محاضرات الأدباء ج1ص249

Tatkala menguasai Tabristan, Al-Nāṣir menyerahkan kuasa kehakiman kepada Abdullah bin Al-Mubarak. Beliau dituduh mengalami penyakit homoseks. Abdullah berkata: Wahai Amirul Mukminin, aku perlukan seorang lelaki 'Jalud' (bertenaga) untuk membantuku. Nāṣir menjawab: Telah sampai ke pengetahuanku mengenai perkara itu! Iaitu dia memerlukan seorang lelaki yang bertenaga untuk meliwatinya.(*Muḥādāratal-Udaba*,i,249).

(xvii) Khatib Baghdadi

روى الذهبي عن مكّي بن عبد السلام الرميلى قال :كان سبب خروج الخطيب من دمشق إلى صور ، أنه كان يختلف إليه صبيّ مليح ، فتكلم الناس في ذلك

سير أعلام النبلاء: 281/18.

Dhahabī meriwayatkan daripada Makki bin 'Abd Al-Salām Al-Rumaylī yang berkata: Sebab keluarnya Al-Khātīb dari Damsyik ialah kanak-kanak comel keluar masuk ke rumahnya dan manusia berbicara tentang perkara itu. (Siyar A'lam Al-Nubalā').

(xviii) Ibnu Al-Anmatī (ابن الانماتى)

Dhahabī berkata tentangnya:

الحافظ البارع مفيد الشام ...وقال عمر بن الحاجب :كان إماماً ثقة حافظاً مبرزاً فصيحاً سألت عنه الحافظ الضياء فقال :حافظ ثقة مفيد إلا أنه

كثير الدعابة مع المزد

تذكرة الحفاظ :ج 4 ص 1404 ، سير أعلام النبلاء :ج 22 ص 174

Al-Ḥāfiz, seorang yang mahir, memberi pengajaran kepada penduduk Shām...

Umar bin Al-Ḥajib berkata: Beliau adalah seorang Imām, thiqah, ḥāfiz, terpelajar, fasīh, aku bertanya pada Ḥafiz Al-Ḍiyā tentangnya, jawab beliau: Dia seorang Ḥāfiz, thiqah, berfaedah, melainkan dia seorang yang banyak berfoya-foya dengan budak lelaki. (Tadzkirah Al-Huffāz, iv, 1404; Siyar A'lam Al-Nubalā', xxii, 174).

(xix) Abdul Rahman Al-Dimasyqiyyah

Beliau merupakan salah seorang pendebat anti Syiah yang termasyhur. Pernah disingkirkan dari institute pengajian Azhar Lubnan akibat melakukan homoseks. (YOUTUBE) <http://www.youtube.com/watch?v=xdc6kbyvzY>. Abnanews 19.12. 2013. Sumber: Blog hdawiyat.

(Khutbah JAKIM: "Perang Syiah satu jihad" Malaysiakini 29.11. 2014).

Para peliwat atau pengamal LGBT (meliwat) masih boleh dipercayai (*Thiqah*) menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Jawapan kepada soalan: Adakah peliwat yang menghafal al-Qur'an dan bergelar "al-Hafiz" dalam ilmu Hadis dan alim dalam ilmu Fekah boleh dipercayai (*Thiqah*)?:

(i) Syiah berpendapat bahawa peliwat (*homosexual*) yang menghafal al-Qur'an dan bergelar "al-Hafiz" dalam ilmu Hadis dan alim dalam Fekah tidak boleh dipercayai lagi. Justeru, dia tidak boleh menjadi kadi atau mufti dan sebagainya. (ii) Sebahagian Ahli Sunnah Wal-Jama'ah berpendapat bahawa peliwat yang menghafal al-Qur'an dan bergelar "al-Hafiz" dan alim dalam Fekah masih boleh dipercayai (*thiqah*) dan boleh memegang jawatan penting dalam negara seperti *Qadi al-Qudhat* Yahya bin Aktham dan lain-lain.

الضياء فقال :حافظ ثقة مفيد إلا أنه

كثير الدعابة مع المُزد

تذكرة الحفاظ :ج 4 ص 1404 ، سير أعلام النبلاء :ج 22 ص 174

Al-Ḥāfiz, seorang yang mahir, memberi pengajaran kepada penduduk Shām...

Umar bin Al-Ḥajib berkata: Beliau adalah seorang Imām, thiqah, ḥāfiz, terpelajar, fasīh, aku bertanya pada Ḥafiz Al-Ḍiyā tentangnya, jawab beliau: Dia seorang Ḥāfiz, thiqah, berfaedah, melainkan dia seorang yang banyak berfoya-foya dengan budak lelaki. (Tadzkirah Al-Huffāz, iv, 1404; Siyar A'lam Al-Nubalā', xxii, 174). Abnanews. 19.12. 2013. Bandingkan, *al-Anwar al-Nu'maniyyah*, ii, hlm. 280-281). Diambil dari SURAT PM, sila layari laman: almawaddah.info

